

Ulasan Filem: MADU TIGA – P.Ramlee

Hj. Ahmad bin Ramli
Presiden Persatuan Seni dan Apresiasi Sastera Pulau Pinang

Teraju Utama: P Ramlee
Buah Fikiran Cerita: S.Kadarisman
Jana Bahasa: P Ramlee
Jalan Cerita: P Ramlee
Shaw Brothers Malay Film Productions Ltd

Bintang Utama: Sarimah, Jah Hj Mahadi, Zera Agus dan Ahmad Nesfu
Mislia, M Rafee, Zainon Fiji, Ahmad Sabree M.Babjan, Doris Han
Pelakon Undangan: Alias Conggo
Pencipta Lagu:P Ramlee
Senikata Lagu: Maji Lee
Nyanyian : Saloma & P Ramlee
Orkestra : M.F.P.Orkestra
Lagu Yang Terdapat dalam Filem Madu Tiga:
Madu Tiga, Selamat Pengantin Baru, Naam Sidi, Pukul 3 Pagi.

Kertas ini akan membincangkan tentang isi cerita Madu Tiga dengan memetik sedutan-sedutan skrip dari setiap lakonan yang terlibat. Bila diteliti akan sedutan skrip dalam filem ini, agak sukar untuk digugurkan mana-mana bahagian kerana hampir semuanya memberi erti kepada keseluruhan cerita, penentuan watak, serta situasi yang ingin digambarkan dalam kisah ini.

Perbincangan dalam kertas ini dibahagikan kepada 3 topik besar iaitu:-

- **Plot Kisah Madu Tiga Lengkap**
- **Aspek Penilaian Filam Madu Tiga , dan**
- **Bagaimana Madu Tiga Boleh Dianggap Karya Genius**

A. Plot Kisah Madu Tiga Lengkap

1. Keadaan Hidup Jamil setelah Berkahwin dengan Latifah

Filem ini bermula dengan gambaran suasana pejabat Hj Latiff & Menantu Co.Ltd di mana Hj Latiff bertindak sebagai pengurus, Jamil bin Abu, Managing Partner (menantu Hj Latiff tahun ke 12) dan Rafi sebagai Bill Collector.

Di awal penggambaran lagi, pengarah telahpun memberi gambaran bahawa syarikat ini adalah syarikat anak menantu yang menguruskan perniagaan sewa rumah dan hartanah. Jamil bin Abu bertugas di situ setelah menjadi menantu kepada Hj Latiff selama 12 tahun. Ini memberi gambaran bahawa selepas berkahwin dengan anak Hj Latiff, Latifah; mereka belum dikurniakan cahaya mata. Oleh yang demikian, Jamil telahpun merancang untuk berkahwin dengan Cik Hasnah secara sulit dengan bantuan En Rashid, rakan Jamil.

Semasa pulang ke rumah, Jamil melihat isterinya Latifah dan rakan-rakan bermain mahjong bagi mengisi masa lapang semasa di rumah. Kelihatan Jamil tidak dilayan sewajarnya sebagai seorang suami (tiada kemesraan) sekembalinya di rumah sedang ia membawa pulang buah tangan pesanan bapanya untuk diberi kepada Latifah.

Dalam perbualan antara isteri dan rakan-rakan, mereka memperihalkan tentang suami yang gila perempuan sambil memuji suami Latifah. Jamil walau sudah 12 tahun berkahwin masih belum punya anak tapi masih pulang ke rumah. Latifah menidakkan dengan berkata bahawa suaminya juga sama, kadang pulang kadang tidak.

Jamil yang sedang bersiap untuk ke acara pengantin, memanggil isterinya untuk mendapatkan butang baju melayunya yang akan dipakai malam itu.

Jamil: “mana situa ni taruh butang baju melayu. Dah tuapun bodoh”

Situasi serta percakapan suami isteri menunjukkan mereka sudah bosan dengan hubungan sebagai suami isteri. Suasana curiga isteri timbul dalam perbualan antara Jamil dan Latifah apabila Jamil cuba meyakinkan isterinya, Latifah bahawa beliau akan ke rumah pengantin yang bernama Jamil untuk pernikahan Jamil, kawannya. Jamil dapat memboloskan dirinya untuk ke rumah pengantin dan berjaya bernikah dengan Hasnah pada malam itu. antara bualan yang paling melekat ke telinga penonton ialah:-

“butang baju melayu aku mana Pah?”

2. Jamil Berkahwin Isteri Kedua

Jamil tidak pulang ke rumah malam itu sehinggalah ke pagi. Sampai saja di rumah, bapa mentuanya menegur Jamil. Jamil terperangkap dan terpaksa berterus terang dengan bapa mentuanya dengan pengakuan yang amat mengujakan.

Hj Latiff: “Jamil”

Jamil: “ya pak”

Hj Latiff: “kau baru pulang Jamil”

Jamil: “Pak, saya tau yang saya ni seorang menantu yang nakal pak, tetapi manusia yang paling saya hormat sekali dalam dunia ini ialah bapa”

Hj Latiff: “terima kasih”

Jamil: “dan saya rasa lebih baik saya berterus terang dengan bapa”

Hj Latiff: “bagus, cakaplah Jamil”

Jamil: “semalam saya menikah lagi satu pak”

Hj Latiff: “em alhamdulillah”

Jamil: “bapak tak marah pak?”

Hj Latiff: “apa yang bapa nak marah anak jantan, tapi bapak minta satu saja”

Jamil: “apa dia pak?”

Hj Latiff: “sekarang kau sudah isteri dua, mesti timbang sama rata sama rasa, mesti adil dan saksama”

Jamil: “tetapi apa mesti saya cakap dgn Latipah pak?”

Hj Latiff: “pandailah kau borakkan dia tu”

Jamil: “terima kasih pak”

Hj Latiff: “sama sama. Jamil, selamat pengatin baru”

Jamil: “Allah panjangkan usia bapa mentua ku”

Hj Latiff: “amin”

Jamil bergerak ke bilik sambil berdoa.

Jam menunjukkan pukul 7.30 pagi. Jamil semasa membuka pintu terus menyapa isterinya yang kerisauan dengan nada yang sangat lembut.

Jamil: “eh kau dah bangun Pah?”

Latifah: “abang pergi ke mana, sampai pagi baru pulang?”

Jamil: “Allah kau tak tahu pah, semalam kawan-kawan abang semuanya tak mau lepaskan abang Pah, mereka tu semua sayang pada abang, mereka ajak makan,minum, menyanyi, menari, dasyat betul pah”

latifah: “abang pun menarilah tu”

Jamil: “allah apa salahnya setahun sekali bukannya selalu. Pah, semalam kau main mahjun, menang kah kalah?”

Latifah: “menang sepuluh ringgit”

Jamil: “Pah kalau pasal main mahjung siapa boleh lawan. Pah, eeeh semalam kawan-kawan abang semuanya kirim salam pada Pah, lebih-lebih lagi isteri cek Jamil”.

Latifah: “Jamil yang mana?”

Jamil: “Jamil pengantin baru”

Latifah: “waalaikum salam”

Latifah bergerak ke pintu untuk ke pasar lalu disapa oleh Jamil.

Jamil: “e eh kau ni nak ke mana pulak Pah?

Latifah: “eh, kemana lagi, ke pasar lah”

Jamil: “allaaah, tak usah lah pergi pasar Pah, mari lah kita dok di sini bergurau senda”

Latifah: “e eh kenapa abang ni ini mesti ada apa apa dak?”

Jamil: “sumpah tak ada apa apa Pah. Aku tu teringat pada pantun orang tua-tua, katanya dua tiga kucing berlari, mana nak sama kucing yang belang, dua tiga boleh di cari, mana nak sama adik Latifah ku sorang”

Latifah: “Sudahlah, dah tua pun”

Jamil: “eh Pah Pah Pah, kau nak pergi pasar, jaga ya sebenarnya bawa kereta pelan-pelan sikit ya Pah, merbahaya”

Latifah: “ya lah....”

Jamil: “la la lalalalla a (tidur)”

Sekali lagi isterinya memperlihatkan kebosanan kepada suami dengan mengatakan “dah tua” apabila Jamil mengajaknya bergurau senda sedang dia hendak ke pasar. Setelah Latifah meninggalkan bilik, Jamil rasa gembira menyangka bahawa situasi agak selamat.

3. Rahsia Jamil Berkahwin Terbuka

Pada hari yang sama semasa Latifah di pasar, dia bertemu dengan kawannya Rashidah yang bertanya mengapa ia tidak ke tempat kenduri semalamnya. Latifah bertanya siapa yang kahwin. Rashidah menjelaskan bahawa Jamil yang kahwin sambil memuji Latifah yang mengizinkan Jamil kahwin lagi satu.

Latifah: “Che Jamil yang kawin ya?”

Rashidah: “Iya lah siapa lagi, semua orang memuji kakak tau, mereka mengatakan kakak yang paling timbang rasa”

Latifah: “hhh iya memang saya izinkan cek Jamil kahwin (Celaka punya Jamil)”

Rashidah: “Malam ni pun ada keramaian lagi tau kak, tiga hari tiga malam”

Latifah: “tiga hari tiga malam, hai saya kasi duit sama Jamil suruh buat tujuh hari tujuh malam, mengapa dia buat tiga hari tiga malam saja?”

Rashidah: “Kak, kalaulah ada perempuan macam kakak dalam dunia ni, saya rasa dunia ni akan aman dan tenteram”

Latifah: “hmmm memang tenteram...sekejap lagi meletoplah perang”

4. Isteri Jamil Menyerang Jamil dan Isteri Keduanya

Latifah begitu marah dan geram dengan Jamil kerana ternyata ia telah ditipu Si Jamil. Lalu mengambil langkah untuk hadir ke majlis perkahwinan Jamil bagi malam ketiga untuk mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada Jamil.

Jamil dalam ucapannya pada malam itu mengucapkan terima kasih kepada hadirin yang datang:

“Sidang hadirin yng dihormati sekalian. Saya mengucapkan berbanyak banyak terima kasih di atas kedatangan tuan semua terlebih lebih lagi terima kasih ini saya tujukan kepada isteri saya yang tua cek Latifah sebab cik Latifah telah pun memberi keizinan kepada saya supaya ehh menikah satu lagi. Tuan-tuan terlebih maklum kerana cik Latifah itu ee mandul. Em di samping itu saya mengucapkan syukur ke hadrat ilahi kerana agaknya saya dilahirkan semasa bulan terang. Setakat itu sajalah ucapan saya, terima kasih”

Jamil bersalaman dengan para jemputan ramai bersama isterinya.

Tidak disedari bahawa orang yang turut bersalaman dengannya ialah isterinya sendiri, Latifah.

Latifah; “Selamat Pengantin baru cek Jamil.....”

Jamil: “aagaknya bulan dah jadi gelap, terima kasih”

Latifah: “amboi berseri cek Jamil.....”

Jamil bergerak ke mikrofon untuk meneruskan ucapan: “sidang, bulan....”

Terus lari keluar.

Latifah: “nanti bang Jamil, nanti, buat apa lari, maaui, baru tau malu”

Hasnah: “hai perempuan gila, mengapa kau biadap mengganggu di sini, halau kan dia keluar”

Latifah: “biar ku ajar perempuan sial itu, ambil laki orang.....”

Dalam keriuhan itu Jamil terus dikejar oleh Latifah.

Rashid semasa di sisi isterinya Rashidah, tertanya-tanya bagaimana Latifah boleh berada di majlis itu.

Rashid: “Macamana cik Latifah boleh tahu ini semua, aku pun heran”

Rashidah: “sayalah yang beritau pada dia bang”

Rashid: “hah, oh jadi kau mula punca ini semua ya, mengapa kau suka campur orang punya pasal, hah?”

Perbualan antara Rashid dan Rashidah memperlihatkan bagaimana sesuatu perkara buruk boleh berlaku atas kecuaiannya dalam komunikasi dengan orang yang berkenaan. Ia berlaku kerana kesilapan yang ditimbulkan oleh Jamil sendiri apabila dia menyatakan perkahwinannya mendapat keizinan daripada isteri pertama, pada hal tidak.

5. Jamil Menghilang Diri Kerana Takut Pada Isteri

Setelah kejadian malam itu Jamil tidak pulang ke rumah tiga hari tiga malam. Ini merisaukan semua isterinya termasuk bapa mentuanya, Hj Latiff.

Dalam perbualan dengan anaknya Latifah , Hj Latiff menyalahkan anaknya kerana terlalu cengeh manakala anaknya pula menyalahkan bapanya kerana selalu menyebelahi Jamil.

Hj latiff: “Kau tu terlalu cengeh Tipah, agaknya Jamil takut nak pulang ke rumah”

Latifah: “bapa tu kalau Tipah bergaduh dengan Jamil selalu sebelahkan Si Jamil. Apa bapa makan suap?”

Hj Latiff: “Bapak bukan apa-apa Tipah, bapak dengan Jamil tu sama saja, kami berdua ni anak yatim piatu, tak ada tempat nak bergantung, mak dah mati bapa pun dah mati”

Latifah: “hai dah tua tua pun kira anak yatim piatu”

Hj Latiff:”ooi mesti kira, bukan macam kau, kau ada bapak”

6. Kerisauan Isteri Kedua

Di rumah Cik Hasnah pula, kerisauan itu berlaku. Ibunya nasihat supaya Hasnah tidak bertindak melulu tetapi Hasnah mempunyai anggapan yang salah dan sifat cemburu dengan isteri tua Jamil.

Ibu:”apa yang kau nak susahkan, Hasnah. Sekarang rumah ni dah kita yang punya”

Hasnah: “bukan saya nak pada rumahnya, saya nak kan abang Jamil”

Ibu: “abang Jamil kau tu barang kali banyak kerja, itu sebab dia tak pulang”

Hasnah: “alah, kerja apa saja yang banyak mak, jangan-jangan perempuan tu dah rantai kakitangan dia”

7. Keadaan Jamil yang Bersembunyi

Tiba hari ketiga, Rafi mendapat panggilan daripada Jamil di pejabat untuk datang bertemunya di Hotel Ambassador. Rupanya Jamil bersembunyi di situ. Rafi melangkah masuk ke bilik penginapan Jamil.

Jamil: “aku bukan bersembunyi lah, esy takut bini”

Rafi: “heheh jadi kenapa pula encik panggil saya kemari?”

Jamil: “Rafi, mulai hari ini kau menjadi driver”

Rafi: “Driver encik?”

Jamil: “ buat sementara waktu saja lah. Sudah perkara aku dengan isteri aku dah selesai , engkau naik balik jadi bill collector, tetapi dengan satu syarat”

Rafi: “syarat?”

Jamil: “jikalau ada sesiapa bertanya pada kau pasal aku, engkau cakap satu aja, “Kesian”, faham?”

Rafi: “baikah encik, faham, faham faham.

8. Latifah Dalam Keadaan Panik Bila Jamil Berkahwin Lagi Satu

Di rumah Hj Latiff, Latifah bersungguh untuk lapur pada kaum ibu agar dibuat undang-undang, lelaki tak boleh kahwin lebih dari satu. Beliau berazam untuk buat Jamil bercerai dengan isteri kedua. Bapa nya melarang.

Hj Latiff: “Tak baik, runtuhkan mesjid”

Latifah: “Jadi bapa suka kalau Si Jamil tu kawin dua ya?”

Hj Latiff: “Suka,”

Latifah: “Apa pak?”

Hj latiff: “huhu mmmm tak suka, tak suka, tak suka.... Hah itupun kereta Jamil”

Latifah: “Nanti, Tipah ajar dia cukup cukup”

9. Jamil Melepas Diri Dengan Satu Helah Untuk Isteri Pertama

Setiba Jamil ke rumah dengan berbalut di kaki dan tangan, Jamil menjelaskan bahawa ia belanggar dengan lori sehingga masuk hospital tiga hari tiga malam. Jamil minta isterinya siapkan kopi bercampur madu.

Hj Latiff: “Jamil, dengar lori apa kau berlanggar?”

Jamil: “dengan lori taik”

Hj Latiff: “huh, Jamil, macam mana yang kau boleh berlanggar dengan lori taik?”

Jamil: “langgar bohong pak, bohong sunnat”

Hj Latiff: “tak sangka menantu bapak, otak bergeliga, otak penipu”

Jamil: “nak hidup pak” (angkat ibu jari)

Hj Latiff: “Jamil, pembohong dengan bini tua dah selamat, dengan bini muda apa pula yang kau nak auta”,

Jamil: “ini yang saya sedang fikirkan pak. Pak, kalau bapak ada buah fikiran tolonglah berikan saya pak”

Hj Latiff: “Nanti bapak fikir. Ahah,,,dah lupa pulak..hah, pada bini muda kau buat begini(bisik) heh heh heh. Macamana idea bapak?”

Jamil: “Tak sangka otak bapa bergeliga , otak penipu, eh eh eh (gelak)”

Isteri Jamil terus membebel setelah menyiapkan kopi.

Hj latiff: “ hah dia datang....”

Jamil: “adeeh deh deh, “

Latifah: “busuk busuk bini tua jugak, sakit demampun bini tua jugak,kenapa tak minta tolong pada bini muda?”

Hj latiff: “Sudahlah Pah jangan kau banyak cerewet. Baru sekejap bapa dah berunding dengan Jamil, Jamil sanggup menceraikan bini muda dia”

Latifah: “Betul ka bang?”

Jamil: “Betul pah sumpah walll....kalau sumpah abang tak berani Pah tapi kalau Pah suruh abang telan bara api, bila bila abang sanggup Pah”.

Hj Latiff: “Minum kopi kau tu, lekas pergi ke rumah isteri muda, ingat, buat apa yang bapa pesan”

Jamil: “ faham pak. hem”

Jamil: “Rafi, angkat aku pelan pelan,adoiadi”

Rafi: “baik”

Jamil: “Fi babak yang pertama sudah selesai. kita teruskan pula dengan babak kedua Fi”

Rafi: “baik la encik”

Jamil: “abang pergi ya pah, Ya Allah Ya Rabbi, alhamdulillah pelan pelan, bala terlepas.adoi,

Pah Pah abang pergi dulu ya sayang”

Latifah: “baiklah bang”

Jamil : “tata pak”

HjLatiff: “tata”

10. Jamil Melepas Diri Dengan Satu Helah Untuk Isteri Kedua

Hasnah sudah puas menunggu Jamil dan rasa ingin pulang ke rumah lama.

Hasnah: “Buat apa nak duduk rumah baru mak kalau hati tak senang”

Ibu: “Hai, nasib, nasib, dah dapat menantu yang baik, anak kita pula buat fe’el. Senah, senah itupun Jamil balik”

Hasnah: “betulka mak?”

Ibu: “ Ya, Itupun kereta dia...e eh”

Jamil balik, masuk rumah dengan mata berbalut.

Hasnah: “Abang Jamil,kenapa abang Jamil”

Jamil: “Oh adinda. Allah taala telah panjangkan jodoh pertemuan kita adinda,kalau tidak, kita tak dapat jumpa lagi”

Hasnah: “Kenapa encik?”

Rafi: “Kesian”

hasnah: “apa yang kesian”

Rafi: “oh kesian”

Hasnah: “ E eh engkau ni tersampuk syaitan ke , tengoklah mak”

Rafi: “ kesian”

Hasnah: “ Ya Allah macam-macam penyakit dalam rumah ni tau. Bang ceritakanlah bang, kalau abang tak nak cerita , Nah nak pergi mati lah”

Jamil: “E eh jangan pergi mati Nah jangan jangan”.

Jamil menceritakan bahawa mukanya diturih oleh isteri tua dan sekarang dia telah ceraikan isteri tuanya.

11. Kedua-dua Isteri Jamil Menziarahi Jamil di Pejabat dan Kesannya.

Kesokan harinya, Latifah dan Hasnah datang ke pejabat Hj Latiff untuk bertemu dengan Jamil. Mereka datang dengan hajat untuk melawat Jamil yang sakit. Keadaan menjadi kelam kabut kerana Jamil terpaksa berlakon sakit untuk menipu isteri-isterinya. Hj Latiff menghukum isteri-isteri Jamil dengan buat undang-undang agar Jamil dapat berada di rumah isteri-isterinya secara bergilir-gilir. Jamil tidak dibenarkan pulang dan didenda dengan overtieme pada hari-hari tertentu dalam seminggu.

Terdapat dialog yang lucu pada adegan ini ketika Hasnah dipanggil ke bilik HjLatiff.

Hasnah: “Saya bukan mengganggu dia tuan, saya kesian suami saya sakit”

Hj Latiff: “oh jangan susah lah, kalau dia sakit saya ada. Di dalam ofis ini saya pakai undeng-undeng. oleh kerana Hasnah telah melanggar undeng-undeng, saya jatuhkan denda. Dalam satu minggu, tiga hari Jamil boleh pulang ke rumah, hari Selasa, hari Khamis, hari Sabtu”

Hasnah: “Empat hari lagi dia pergi ke mana?”

Hj latiff: “Oh dia kena kerja overtime”

Hasnah: “overtime ka bini tua ka?”

Hj Latiff: “Oh no no no, isteri tua dia sudah cerai lah”

Cek hasnah pun bergerak keluar dari bilik Hj Latiff.

Hj latiff: “silakan Cek Hasnah,”

Hasnah: “ Terima kasih Leeh”

12. Rafi bahasakan Jamil dan kembali dijadikan Bill Collector

Rafi dipanggil masuk ke bilik Jamil setelah Hasnah pulang.

Rafi: “Cek kenapa mata tu, kena tumbuk ka?”

Jamil: “Apa dah kena tumbuk, aku nak hidup dah”

Rafi: “Oh orang berbini dua selalu begini ya sellu nak membohong saja”

Jamil: “Ini bohong sunat, dapat pahala, engkau mana tahu. Sekarang ni kau belum berbini dua, kalau kau berbini dua, lebih pada ini kau buat nanti. Oklah Rafi, sekarang kau naik balik jadi bill collector. Aku nak tanya yang 10 orang tu dah bayar hutang sewa rumah atau tidak?”

Rafi: “ Semua dah bayar cuma sorang lagi belum bayar”

Jamil: “Siapa yang belum bayar?”

Rafi: “Pak Ali”

Jamil: “Lagi lagi Pak Ali, yang kau diamkan diri”

Rafi: “ Dia minta tempoh bagaimana encik?”

Jamil: “Pak Ali main kayu tiga agaknya. Rafi sekarang juga kita pergi rumah Pak Ali”

Rafi: “sekarang juga encik?”

Jamil: “sekarang juga....”

13. Lagu Madu Tiga

Ketika dalam perjalanan ke rumah Pak Ali, dalam kereta, Jamil menyanyikan lagu “Madu Tiga”

Senangnya dalam hati kalau bersteri dua

seperti dunia ana yang ampunya

kepada isteri tua kanda sayang padamu

kepada isteri muda I say i love you

Isteri tua merajuk balik ke rumah isteri muda

kalu dua-dua merajuk ana kawin tiga

mesti pandai membohong mesti pandai temberang

tetapi jangan sampai hai pecah temebelang

14. Di Rumah Pak Ali, Meminta Sewa Rumah

Sesampai di rumah Pak Ali, Rafi terus memberi salam dan Pak Ali tanpa tangguh meminta supaya sewa rumah diberi masa untuk dibayar kerana dia sakit.

Jamil mendesak supaya dibayar segera dan memberi tempoh hingga esoknya.

Jamil: “Baiklah Pak Ali, saya bagi tempoh sehingga esok pagi, esok pagi kalau Pak Ali tak dapat jelaskan hutang sewa rumah ini, saya tak boleh buat apa-apa, hanya dipersilakan Pak Ali keluuuuu” (terkejut)..sambil memerhati ke arah pinta dan dilihatnya Rohani(anak Pak Ali) di situ yang baru pulang.

Rohani: “Pak, kenapa pak, apa yang telah terjadi pak?”

Rafi: “ahh begini encik, encik ni datang nak minta sewa rumah”

Jamil: “Ceh, siapa bilang aku datang nak minta sewa rumah, aku bukan datang nak minta sewa rumah, aku datang nak membetulkan rumah, engkau kerani apa ni, cuba kau tengok bumbung tu, lobang sana lobang sini, bocor sana bocor sini. Sebab itulah orang tua ni sakit, nasib baik dia tak mati, kalau dia mati siapa nak jaga anak dia, aku juga. Bodoh, makan gaji buta. Heh..Saya nak tumpang lalu ya pak”.

“Saudari jangan percaya cakap dia ni, setan. Saudari yang cantik jelita, ini bapaknya ya?”

Rohani: “Ya, “

Jamil: “Sakit ya, dah berapa lama bapak sakit?”

Rohani: “em dah 6 bulan encik”

Jamil: “6 bulan? Ce cek ck, kesian kesian. Saya ni manusia lembut hati, tak boleh tengok orang sakit, bukan macam dia ni. Saudari ambil wang ni 50 ringgit, bawa bapak pi jumpa doktor ya,... ambik ambik jangan malu, ambik,gitu.”

“Hari ni saya tolong saudari, esok esok saudari pula tolong saya”

Rohani: “Terima kash encik, budi baik encik tak dapat saya balas”

Jamil: “Eh! jangan panggil saya encik err panggil saya Jamil, lebih bagus abang Jamil.. bin Abu”

Rohani: “baik Bang Jamil.”

Jamil: “Er siapa namanya ni”

Rohani: “Rohani..”

Jamil: “Rohani, amboi sedap namanya, macam nama nenek saya. Eh heh Cik Rohani abang Jamil pulang dulu ya,”

Rohani: “silakan”

Jamil: “Saya pulang dulu ya pak”

Pak Ali: “Cik Jamil, InsyaAllah bulan depan saya akan jelaskan”

Jamil: “Eh! tak payah Pak Ali. Pak Ali boleh tinggal di sini free of charge. Cek Rohani, kalau ada orang ini datang minta sewa rumah, perambat dia dengan penyapu, saya cemburu tau”

Selepas Jamil pulang, Rohani memuji Jamil di hadapan bapanya.

Rohani: “Pak, baik betul abang Jamil tu ya Pak?”

Pak Ali: “Ya baik,..... baik,.....baik ada makna tu”

15. Jamil Gila Bayang

Selepas episod di rumah Pak Ali, Jamil sudah” Gila Bayang dengan Rohani sehingga setiusaha tempat kerjanya pun dibayangkan Rohani.

Dalam keadaan yang tidak tenteram itu, Jamil meminta Rafi untuk meminang Rohani.

Jamil: “Ada apa encik?”

Jamil: “Hamba tak tertahan menanggung asmara, berikanlah hamba penawar agar hati hamba tenteram dan damai”

Rafi: “Encik belajar sandiwara ka encik, bila nak main?”

Jamil: “Aku bukan main sandiwara lah , sandiwara konon, gila bayang.”

Eh Rafi: “ engkau tolong pergi meminang anak Pak Ali tu Rafi”

Rafi: “Ini kerja orang tua-tua ni encik”.

Jamil: “ Orang tua dulu zaman dulu boleh orang tua-tua masuk meminag, zaman sekarang dah moden, orang muda pun boleh. Engkau pun boleh.”

Rafi: “Bailah, saya try encik....a ah”

16. Rohani Turut Gila Bayang dan dipinang Jamil

Di rumah Pak Ali, Rohani kurang sihat. Pak Ali telah mengesyaki sesuatu tentang Rohani , anaknya.

Pak Ali: “Bapa tengok kau dalam dua tiga hari ni berlain saja, apa kau sakit?”

Rohani: “ya pak , Ani sakit kepala,... kesian,..... sakit, sakit ada makna tu”

Rohani juga gila bayang, dia teringat kata-kata Jamil “Hari ini saya tolong saudari, besok-besok saudari pula tolong saya, tolong apa bang Jamil , tolong senang ja mmmmmm, bila bang, sekejap lagi boleh tau”.

Tiba-tiba Rafi sampai

Rafi: “Assalamuuaaikum Pak Ali. Dipendekkan cerita saja . Saya pun tak pandai nak cerita panjang-panjang Cek Jamil tu nak masuk meminang anak Pak Ali . Haaah, Terima sudahlah Pak Ali , menyenangkan kerja saya dan saya tak ulang alik tiga empat kali datang kemari”

Pak Ali: “Perkara ini saya nak kena tanya Rohani sendiri”

Rafi: “Ehh! dia tentu mau, dia tentu mau”

Pak Ali: “Ya ka.”

Rafi: “ Ya, rezeki jangan di tolak Pak Ali“

Pak Ali : “ mmm, baik lah. Rohani, Rohani, sakit lagi kepala kau nak (ahgguk), sekejap lagi nanti baik. Cik Jamil dah masuk meminang engkau, kau hendak”

Rohani terus masuk terus ke bilik, malu.

Rafi: “Hah kalau perempuan begitu menunjukkan dia mau Pak Ali.”

Pak Ali: “ Ya ka?

Rafi: “ Ya”

Pak Ali: “Cik Rafi, bulan ni gaji awak naik lah”

Rafi; “ hmhm kita dua-dua sama-sama dapat pahala kerana mendirikan mesjid Pak Ali”

Pak Ali: “ terima kasih. En Rafi, Cek Jamil tu dah kawin ka belum?”

Rafi: “Eer bujang, bujang teruna Pak Ali”

Pak Ali: “bujang teruna?

Rafi: “Yes”

Pak Ali: “kesian,dah tua masih bujang”

Rafi: “Bujang alif ba ta katakan”

Pak Ali: “ alif ba at tu apa?”

Rafi : “ Angkatan Bujang Tua”

17. Jamil berkahwin dengan Rohani dan persandingan dihiasi dengan lagu Naam Sidi

Lagu Naam Sidi dinyanyikan tanda Jamil dan Rohani dinikahkan.

18. Jamil di Rumah Pak Ali Bersama Rohani Menyanyikan lagu “Pukul Tiga Pagi”

Pukul tiga pagi tidurlah intan besok bangun lagi senda gurauan

bangun pagi pagi hai renung ke awan
Lepas gosok gigi minum kopi satu cawan
kanda pergi kerja jauh di kota
dinda jaga rumah jangan main mata
nanti petang kanda pulang kita sembang panjang-panjang
dinda jangan bimbang, bujang
bukan mata keranjang, sembahyang.

Jamil belikan rumah baru untuk Rohani. Pak Ali akan turut dibawa tinggal bersama.

Kita dapati setiap isteri yang dikahwiani Jamil, akan disediakan sebuah rumah dan kereta, menunjukkan kemampuan Jamil dari segi kewangan.

Bahawa Jamil beristeri satu lagi telah dimaklum kepada bapa mentuanya Hj Latiff.

Agar bapa mentua tidak marah, Jamil menawarkan sesuatu kepada Hj Latiff.

Jamil: “Pak, kalau bapak nak kawin satu saya boleh tolong carikan”

Hj Latiff: “ mmmm h aha ha ha aha “ ketawa terbahakbahak

19. Rahsia Jamil Kahwin Tiga Bocor dan Kesudahannya

Dalam babak-babak akhir, ketiga-tiga isteri dipertemukan di beberapa tempat. Antaranya ialah di kedai emas. Di sini berlaku perkelahian antara Latifah dan Hasnah. Rohani dengan kebijaksanaanya telah meleraikan.

Rohani menceritakan kisah pergaduhan itu pada Jamil. Reaksi Jamil sangat lucu.

Rohani: “Bang, tadi ada orang gaduh dekat kedai emas tau bang”

Jamil: “bergaduh pasal apa Ani?”

Rohani: “Pasal berebut suami”

Jamil: “apa?”

Rohani: “Tidak bang, mereka berdua tu bermadu, nasib baik Ani sabarkan, kalau tidak , ani tak tahu apa yang akan jadi”

Jamil: “kalau pasal madu dua tu, perkara baiasa Ani, ada kawan abang tu Jamil juga nama dia, tiga langsung isterinya, lagi dahsyat”

Rohani: “Macam mana orang kawin banyak banyak tu bang?”

Jamil: “Tau saja macam Ani kawin sama abang. Abang pun boleh kawin tiga sengaja abang tak mau aja”

Rohani: “ hai kesian Cik Tipah”

Jamil: “apa apa nya...”

Rohani: “Tidakbang, isteri yang tua tu nama nya Cik Latifah, isteri muda tu namanya Cik Hasnah bang”

Jamil: “oh, bagus juga namanya ya.....hmhmhm.”

Rohani: “ nak kemana ni bang”

Jamil: “abang nak pergi buang air, jangan-jangan kena attack cholera”

Rohani: “ Abang ni, ada ada saja”

Pada satu pertemau yang tidak sengaja, Rohani mengajak Latifah dan Hasnah ke rumahnya. Akhirnya terjadi pertemuan tersebut di rumah Rohani.

Latifah sampai di sambut Rohani. Begitu Juga Hasnah sampai sejurus selepas itu.

Rohani: “Eh Eh kak Tipah.”

Latifah: “Sekarang dah bagus sebab dia sudah berpisah dengan isteri no dua tu”

Rohani: “ ohh”

Hasnah sampai.

Latifah: “ Itu bekas madu saya tu”

Rohani: “kalau kak Tipah kesiankan saya, tolong jangan bergaduh kat sini ya”

Hasnah: “Eh perempuan gila tu ada di sini?”

Rohani: “Ah, yang lepas tu lepas, mari kita duduk di sana, tenangkan hati, peliharakan martabat kaum wanita ya”

Hasnah: “Saya faham cik Rohani”

Sambil duduk di keruni, Latifah dan Hasnah berbual.

Latifah: “Cik Hasnah mengatakan Cik Hasnah melayan suami, siapa suami cik Hasnah sekarang?”

Hasnah: “ siapa lagi cik Tipah, kalau tak cek Jamil tu”

Latifah: “Eh setahu saya cek Jamil telah berpisah dengan Cik Hasnah”

Hasnah: “ Tidak Cik Jamil mana boleh tinggalkan saya. Setahu saya pula Cik Latifah berpisah dengan dia”

Latifah: “Tidak Cek Hasnah, Jamil masih pulang ke rumah”

hasnah: “ Ya ka, jangan jangan kita ni masih bermadu tak?”.

Latifah: “Hai Cek Jamil dah buat pulak. Nasib baik awak di rumah orang , kalau tidak saya kerjakan awak”

Hasnah: “ Awak ingat saya ni batang pisang ya , sebelum awak kerjakan saya , saya korek biji mata awak”

Latifah: “ Eh eh sedapnya, dah dia rampas suami kita, biji mata kita pula dia nak korek’.

Hasnah: “Awak tak pandai jaga suami, itu pasal suami awak cari lain”.

Latifah: “Rumah tepi laut Cik Hasnah, memang bagus, angin bertiup kencang’

Hasnah: “Dulu bapa saya pesan,kalau nak buat rumah, buat di atas bukit”

Latifah: “Oh, bukit jangan cakap Cik Hasnah, kalau nak baut rumah di atas bukit, baik di Cameron Highland”

Rohani: “Ha begitulah hendaknya, yang lepas tu lepas”

Hasnah: “ Apa yang terlepas Cik Rohani, makin terbelit haha hah ahha”

Jamil keluar dan lihat semua isterinya di luar. Dia sembunyikan gambar kahwin dengan Rohani

Hasnah: “Di mana suami Cik Rohani, tak nampak-nampak pun orangnya”

Rohani: “Suami saya tu pemalu sikit orang nya Cik Hasnah”

Latifah: “Baguslah macam itu. Suami kita ni semua mata keranjang”

Hasnah: Cik Rohani, boleh saya tumpang bedak di dalam?”

Rohani: “ Boleh, silakan”. Kak Tipah pun kalau nak tengok tengok bilik, silakan”

Latifah: “tak payah lah Cik Rohani,biarlah saya mengambil angin di luar”

Hasnah: “Amboi comel sungguh rumah ini ya”

Rohani: “Eh! siapa pula yang membalikkan gambar ni?”

Hasnah: “Alamak laki aku. Ini gambar suami cik Rohani ya, cuba saya tengok. Amboi manisnya, mukanya akan akan suami saya. Siapa namanya,”

Rohani: “Jamil”

Hasnah: “Jamil Oh, Nama suami saya Jamut, ehehe. Cik Tipah, mari sekejap, sini ada berita gembira tau. Cuba Cik Latifah Tengok, gambar suami Cik Rohani, hensem sungguh orangnya”

Latifah: Mana dia?”

Hasnah: “ini dia”

Latifah:” E h he orang ni saya kenal betul, memang pemalu orangnya”

Rohani: “Betul ka kak Tipah kenal?”

Latifah: “Iya, dah 12 tahun pun. Namnya Jamil bin Abu bukan? Eh eh eh eh Jamil, Jamil, ku sangkakan dua rupanya tiga”

Hasnah: “nasib baik tak empat Cik”

Rohani: “Apa yang tiga apa yang empat?”

Hasnah: “Kalau cik Rohani nak tahu, inilah suami saya”

Rohani: “benarkah kak Latifah?”

Latifah: “tak kan lah kita tak kenal suami kita pulak. Pasal dialah kita bergaduh di kedai mas itu hari. Nampaknya kita ni dah terlanjur, lebih baik kita berperang, macam mana kata awak?”

Hasnah: “setuju.”

Rohani: “sabar, sekarang kita jangan gaduh. Kita mesti jaga tata tertib kaum wanita . kita semua tak salah. Jamil yang salah. marikita kerjakan dia, mari”.

20. Jamil Lari dari Isteri-isterinya

Jamil telah terlebih dahulu menghidu apa yang bakal berlaku. Dia terus ke rumah bapa mentuanya untuk dapatkan bantuan. Semua isterinya berkejar ke sana.

Jamil: “Alamak mati Pak, Mati Mati ah ah”

Hj latiff: “ Pesyen apa ni?”

Jamil: “ pesyen lepas mandi pak. Pak, lubang dah pecah tak boleh nak tutup lagi’

Hj latiff: ‘aik, lubang dah pecah..” (lari ke atas)

Jamil: “Pak Pak Pak , bapak nak kemana pak?”

Hj Latiff: “ambil air sembahyang”

Jamil: “sembahyang apa pak, Asar dah habis”

Hj latiff: “sembahyang tolak bala”

Jamil: “tak sempat lagi pak , bala dah dekat tu pak”

Hj Latiff: “alamak itu pun mereka datang . Jamil, Jangan takut , bapak ada”

Jamil: “ Allah panjangkan umur bapak”

Hj Latiff: Sabar,sabar, Hj dirempuh, aduh (dirempuh oleh isteri-iseri Jamil)

Jamil: “Alamak....”

Berkejar di dalam rumah. Jamil berhasil keluar

Sekali lagi semua isteri rempuh Hj.Latiff

Hj latiff: “kalau sempat akau sembahyang tadi, tak lah tergolek macam ni”

21. Jamil Diberi Syarat Ketat Poligami

Jamil dikejar dan di kejar dan akhirnya dia tidak dapat lari ke mana-mana.

Sesampai di hujung jambatan, terdapat beberapa orang sedang mengangkat barang dan menghalang Jamil dari terus lari. Jamil tersangkut di situ.Lalu dia melangkah tepi jambatan untuk terjun ke sungai yang disangka dalam.

Isteri-isteri Jamil: “marii mari mari bang Jamil. Jangan bunuh diri”

Jamil terjun ke sungai , airnya yang cetek .

Jamil: “Mulai hari ini, aku ceraikan kamu bertiga”

Rohani: “nanti dulu, kak Tipah sayang abang Jamil tak?”

Latifah: “sayang”

Rohani: “Cik Hasnah?”

Hasnah: “sayang”

Rohani: “saya pun sayang. Kalau begitu biar saya buat satu perjanjian”

“Abang Jamil tak boleh cerai tau tapi abang Jamil kena hukum. Hukumannya malam ini abang Jamil pulang rumah kak tipah, besok malam rumah Cik hasnah, lusa malam rumah Ani, lepas itu rumah kak Tipah lepas tu rumah cik Hasnah lepas itu rumah Ani begitulah seterusnya bergilir-gilir sampai abang Jamil mampus, Setuju?”

Jamil: “Kata orang tua-tua razeki jangan dicari, maut jangan ditolak...terbalik, rezeki jangan ditolak, maut jangan di cari, hamba setuju.....Hah nasib baik aku tak mati. kalau aku mati orang kebas bini aku”.

Apek: “kawan ah, lu punya hukum sudah jatuh. Gua punya hukum bila mau jatuh?”

Jamil: “mari, duduk atas batu sana.Sekejap lagi lu punya datuk datang lu jawab lu punya soalan kubur”

Apek: “ itu macam ah, hah. haiya hidup pun susah, mati pun susah. mati pegang bendera “

Semua isteri Jamil naik kereta dipandu oleh Jamil untuk pulang.

Rohani seorang wanita yang penuh adabpun menunjukkan marah terhadap Jamil kerana menipu. Namun oleh kerana Jamil menyediakan segala keperluan rumah tangga seperti rumah, kereta dan lain-lain, mereka menerima nasib mereka sebagai MADU TIGA. yang penting adil.

B. Aspek Penilaian Film *Madu Tiga*

Filem *Madu Tiga* arahan dan lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee adalah antara karya klasik yang bukan sahaja menghiburkan, malah penuh sindiran sosial dan pengajaran. Diterbitkan pada tahun 1964, filem ini mengisahkan Jamil yang beristeri tiga secara rahsia, dan bagaimana penipuannya akhirnya terbongkar. Kupasan ini akan meneliti filem dari segi **sosial, agama, komedi**, dan aspek-aspek lain yang relevan:

1. Aspek Sosial

a. Institusi Kekeluargaan dan Poligami

- *Madu Tiga* menyentuh isu poligami secara langsung, memaparkan bagaimana seorang lelaki beristeri lebih daripada satu boleh menimbulkan konflik jika tidak berlaku adil dan jujur.
- Penonton ditunjukkan bahawa kegagalan mengurus rumah tangga dengan telus akan membawa kesan buruk bukan hanya kepada suami, tetapi juga isteri-isteri yang terlibat.
-

b. Peranan Wanita

- Watak-watak isteri Jamil (Latifah, Hasnah, dan Rohani) menggambarkan pelbagai personaliti wanita Melayu zaman itu — setia, patuh, cemburu, berdikari, tetapi akhirnya juga bijak membuat keputusan bersama.
- Filem ini memperlihatkan wanita bukan hanya sebagai watak pasif, tetapi mampu bersolidariti demi harga diri dan keadilan dalam rumah tangga.

c. Hipokrasi Lelaki

- Jamil digambarkan sebagai lelaki yang tidak matang dalam membuat keputusan rumah tangga — dia ingin semua isteri tetapi tidak mampu berlaku adil secara batin dan lahir.
- Filem ini secara sindiran menelanjangkan sikap sesetengah lelaki yang menggunakan “lesen poligami” untuk memenuhi nafsu sendiri, bukan atas asas tanggungjawab.

2. Aspek Agama

a. Poligami dalam Islam

- Filem ini menyentuh isu poligami yang memang dibenarkan dalam Islam, tetapi dengan syarat utama berlaku **adil**.
- Jamil, walaupun cuba berpandukan hujah agama, namun gagal melaksanakan keadilan dan menipu isteri-isterinya. Hal ini bertentangan dengan syarak.

b. Moral dan Etika

- Penipuan, pengkhianatan kepercayaan, dan tipu daya dalam hubungan suami isteri jelas ditonjolkan sebagai perbuatan yang negatif dari sudut agama.

- Namun, filem ini tidak memaparkan hukuman keras, sebaliknya menggunakan sindiran halus dan pengajaran moral untuk mendidik penonton.

3. Aspek Komedi

a. Satira Sosial

- Komedi dalam *Madu Tiga* bukan semata-mata lawak kosong, tetapi bersifat satira terhadap realiti sosial dan perkahwinan.
- Watak Jamil yang sering terperangkap dengan pembohongannya mencetuskan gelak ketawa, tetapi juga mencerminkan kelemahan watak lelaki yang tamak.

b. Lakonan Spontan dan Gaya Komedi Slapstick

- Gaya lakonan P. Ramlee yang bersahaja, mimik muka, dan dialog spontan memberikan elemen komedi yang tidak lapuk ditelan zaman.
- Watak seperti Rafi (Bill Collector) juga menambah warna dalam adegan komedi.

4. Aspek Sinematografi dan Penceritaan

a. Teknik Penceritaan

- Plot yang bergerak pantas dan penuh konflik menjadikan penonton sentiasa ingin tahu apa yang bakal terjadi seterusnya.
- Penggunaan naratif linear dengan plot twist di hujung menjadikan filem ini menarik.

b. Pengakhiran

- Pengakhiran filem yang agak luar jangka (tiga isteri berbaik-baik dan kembali menerima Jamil) walaupun bersifat dramatik dan fantasi, tetapi membawa mesej bahawa pengampunan dan kebijaksanaan wanita mampu mengatasi kebodohan lelaki.

5. Nilai-nilai Lain

a. Perpaduan dan Solidariti Wanita

- Penonton melihat bahawa apabila wanita bersatu, mereka mampu mengawal situasi dan tidak mudah diperbodahkan.

b. Budaya Melayu

- Filem ini penuh dengan elemen budaya Melayu – adat perkahwinan, cara berpakaian, pertuturan, dan hubungan kekeluargaan.

Kesimpulan

Madu Tiga bukan sekadar filem komedi, tetapi karya penuh sindiran sosial dan pendidikan moral. P. Ramlee bijak mengangkat isu poligami dan kelemahan lelaki dalam mengurus

tanggungjawab dengan cara yang lucu tetapi berkesan. Ia membuktikan bahawa filem boleh menjadi alat dakwah dan pendidikan yang ampuh jika digarap dengan cermat dan jujur.

C. Bagaimana Madu Tiga Boleh Dianggap Karya Genius

Filem **Madu Tiga (1964)** arahan P. Ramlee sering dianggap karya genius dalam sejarah filem Melayu. “Genius” di sini bukan hanya pada tahap intelek, tetapi kebolehan luar biasa P. Ramlee menggabungkan idea, seni, dan mesej. Antara ciri genius yang dapat dilihat ialah:

1. Gabungan Komedi & Kritikan Sosial

- Filem ini menggunakan komedi ringan tetapi menyampaikan sindiran mendalam terhadap isu **poligami, sikap lelaki, dan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu**.
- P. Ramlee berjaya menyampaikan mesej serius tanpa menyinggung, malah membuat penonton ketawa sambil berfikir.

2. Penggunaan Dialog yang Bijaksana

- Dialog penuh sindiran halus dan permainan bahasa.
- Contohnya, ayat-ayat lucu tetapi sarat makna, membuktikan kecerdikan penulisan skrip.

3. Struktur Naratif yang Kemas

- Kisah tiga isteri yang disusun dengan **plot seimbang, kemuncak dramatik, dan penutup mengejutkan**.
- Tiada bahagian yang membosankan — setiap adegan ada fungsi sama ada humor, konflik, atau mesej.

4. Penguasaan Watak

- P. Ramlee bukan sahaja mengarah, tetapi juga berlakon dengan penuh penghayatan sebagai Jamil.
- Lakonannya menonjolkan **konflik dalaman lelaki Melayu moden** yang tamak, tetapi tetap mahu dilihat baik.
- Setiap isteri dilukis dengan karakter berbeza tetapi seimbang: Hasnah (bijak & tegas), Latifah (lembut & taat), Rohani (muda, bijak & polos).

5. Keseimbangan Seni Visual & Muzik

- Sinematografi sederhana tetapi berfungsi — setiap babak dirakam dengan gaya yang **menyokong mood komedi**.
- Lagu-lagu dalam filem tidak hanya hiburan, tetapi **menguatkan jalan cerita dan watak**.

6. Keberanian Mengangkat Tema Sensitif

- Pada zaman 1960-an, isu poligami sangat sensitif.
- Namun, P. Ramlee berani mengkritik melalui satira — satu pendekatan genius kerana mesej disampaikan tanpa menimbulkan permusuhan.

7. Relevansi Sepanjang Zaman

- Walaupun dihasilkan lebih 60 tahun lalu, isu dan mesejnya masih segar dan dekat dengan realiti hari ini.
- Itulah tanda karya genius: **melangkaui zaman.**

Ringkasnya, **ciri genius filem Madu Tiga** terletak pada kebolehan P. Ramlee menggabungkan **komedi, kritikan sosial, seni bahasa, lakonan, dan keberanian menyentuh isu masyarakat** dalam bentuk karya yang indah, seimbang, dan kekal abadi.

Di sediakan oleh:

HJ. AHMAD BIN RAMLI

Presiden, Persatuan Seni dan Apresiasi Sastera Pulau Pinang
merangkap,
Ahli Jawatankuasa Kelab Peminat P Ramlee, Pulau Pinang

Rujukan Utama:

Youtube Madu Tiga